

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JUNE 2017

## Lima risiko, cabaran baharu perlu dihadapi

**KUALA LUMPUR 24 Jun** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan lima risiko dan cabaran baharu yang perlu dihadapi negara iaitu dalam isu geopolitik; keselamatan dan keamanan; ekonomi; mendahulukan kepentingan rakyat; serta masa depan dan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Dalam perutusan Aidilfitri bertemakan 'Lembayung Silaturrahim 1Malaysia Asas Kejayaan Rakyat dan Negara', Perdana Menteri berkata, dalam isu geopolitik, Malaysia sedang berdepan dengan cabaran risiko geopolitik baharu dunia yang serius.

Antaranya membabitkan krisis negara-negara Islam di Teluk, program nuklear Korea Utara dan implikasi Brexit.

"Sudah tentu, kesemua perkembangan ini perlu diteliti dengan sebaik-baiknya, kerana jika krisis ini tidak dapat diselesaikan dengan segera, ia boleh menjejaskan kemakmuran negara serantau dan antarabangsa," katanya.

Dalam soal keselamatan dan keamanan pula, Perdana Menteri menyeru semua rakyat di negara ini agar mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan fahaman atau ideologi ekstremisme dan terorisme seperti IS serta militan Daesh, yang telah me-

nyalahtafsirkan konsep jihad dalam Islam.

Katanya, Islam itu adalah agama yang damai dan sejahtera dan bagi menjunjung kesuciannya, umat Islam perlu berpegang teguh dengan 'The Authentic Islam' iaitu ajaran Islam sejati dalam pengertian yang sebenar-benarnya.

Selain itu, dalam era siber dan media sosial hari ini, Najib turut mengingatkan umat Islam untuk bijak menyaring maklumat dan ancaman fitnah serta tohmahan palsu yang disebarkan pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

"Namun begitu, saya berasa bersyukur kerana negara ini masih terus mengecapi nikmat keamanan. Malah, berdasarkan Indeks Keamanan Global 2017, Malaysia telah berjaya mengekalkan kedudukan sebagai negara ketiga paling aman di rantau Asia dan ke-29 daripada 163 negara paling aman di dunia," katanya.

Dalam bidang ekonomi, Perdana Menteri berkata, meskipun berdepan ketidakpastian ekonomi global, ekonomi negara berkembang pada kadar di luar jangka iaitu pada 5.6 peratus untuk suku pertama tahun ini, berbanding 4.5 peratus pada suku keempat tahun lalu.



NAJIB RAZAK

Um - 25/6/2017 Pg. 4